

Surat khabar: Harian Metro (Sarawak)

Hari/Tarikh: 14/4/2016

Muka surat: 5

Tajuk : Lega dapat air bersih



## ■ Rumah Senabong Selangau dipasang penapis UF untuk 47 keluarga

**Harun Yahya**  
am@hmetro.com.my

### Sibu

**S**eramai 47 keluarga di Rumah Senabong Selangau, di sini, gembira kerana penantian mereka untuk mendapatkan bekalan air bersih berakhir dengan pemasangan sistem penapis air Ultrafiltration atau UF di kampung itu.

Projek Jabatan Kejuruteraan Kimia, Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaya itu dilaksanakan dengan kerjasama Universiti Malaysia Sarawak.

Tuai Rumah Senabong Mawan berkata, sistem penapis air itu sangat berguna

kepada mereka kerana selama ini penduduk bergantung kepada tadahan air hujan dan air bukit.

"Saya berharap sistem itu akan dapat diperluaskan ke rumah panjang lain di kawasan ini yang turut mengalami masalah bekalan air bersih.

"Saya berterima kasih kepada Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Joseph Entulu kerana memilih untuk memasang sistem ini di rumah panjang kami," katanya.

Sementara itu, Timbalan Dekan Institut Pengajian Siswazah Universiti Malaya

Profesor Dr Mohamed Kheireddin Aroua berkata, sistem penapisan air ini mampu menghasilkan air bersih dari pelbagai sumber seperti sungai, tasik, air bukit dan telaga.

Menurutnya, keistimewaan sistem ini ialah mampu melakukan pembersihan sendiri pada penapisnya yang kotor tanpa sebarang operasi manual dari pengguna.

"Sistem yang beroperasi dengan sistem solar ini dilengkapi sehingga 10 bateri yang boleh bertahan sehingga seminggu tanpa cahaya

matahari untuk mengeces semula bateri.

"Sistem ini boleh ditukar kepada penggunaan tenaga elektrik biasa. Sekiranya tempat itu mempunyai bekalan elektrik, mereka tidak boleh menggunakan sistem solar dan kos pembinaan set penapis juga rendah jika panel solar tidak disertakan sekali," katanya.

Katanya, UF mampu menapis 500 hingga 800 liter air setiap jam iaitu jumlah yang mencukupi untuk 1,000 orang jika air itu hanya untuk diminum.

"Sekiranya untuk kegunaan harian seperti mencuci dan mandi, jumlah air ini mampu menampung keperluan 200 hingga 300 penduduk" katanya.

**FAKTA**  
UF mampu menapis 500 hingga 800 liter air setiap jam mencukupi untuk 1,000 orang